



4

**PELAN
STRATEGIK PEMBANGUNAN
NEGERI SEMBILAN**

PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN

4

Bab ini menjelaskan bentuk dan kandungan Pelan Strategik Pembangunan Negeri Sembilan 2045. Pelan strategik pembangunan ini merupakan pelan indikatif yang menggariskan secara am berhubung cadangan pemajuan dan penggunaan tanah Negeri Sembilan sepanjang tempoh perancangan yang berdasarkan konsep Pembangunan Integrasi Negeri Sembilan.

Pelan Strategik Pembangunan Negeri Sembilan 2045 memaparkan hasil terjemahan dasar dan pernyataan bertulis keseluruhan serta unjuran keperluan tanah pembangunan ke dalam bentuk spatial. Pelan strategik pembangunan ini turut berperanan sebagai asas rujukan dan panduan di dalam melaksanakan RSNS 2045, termasuk bagi penyediaan Rancangan Tempatan Daerah, Rancangan Kawasan Khas dan Pelan Induk Pembangunan.

Kandungan bab ini adalah:

4.1

ASAS PEMBENTUKAN PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN

4.2

PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2045

GAMBARAJAH UTAMA

HIERARKI PETEMPATAN

KAWASAN PEMBANGUNAN UTAMA

KAWASAN STRATEGIK PELABURAN

SISTEM PERHUBUNGAN DAN PENGANGKUTAN UTAMA

PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN


KAWASAN PEMBANGUNAN TERKAWAL

KAWASAN PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN

RANGKAIAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI UTAMA

4.1 ASAS PEMBENTUKAN PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN

Pelan strategik pembangunan ini disediakan berdasarkan kepada enam perkara utama seperti berikut:



4.2 PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2045

4.2.1 Gambarajah Utama

Pelan strategik pembangunan Negeri Sembilan 2045 diterjemahkan berbentuk Gambarajah Utama Negeri Sembilan 2045 (**Rajah 4.1**) dengan penekanan kepada empat komponen iaitu:

- i. Hierarki Petempatan
- ii. Kawasan Tindakan Pembangunan
- iii. Kawasan Pembangunan Terkawal
- iv. Kawasan Pengekalan dan Pemeliharaan


Gambarajah utama ini juga memaparkan rangkaian jalan sedia ada dan cadangan sehingga 2045. Fungsi gambarajah utama ini adalah untuk memandu arah pembangunan fizikal Negeri Sembilan, menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi di samping penekanan kepada aspek pengurusan alam sekitar dan sumber jaya asli secara mampan.

4.2.2 Hierarki Petempatan

Berdasarkan prospek pertumbuhan dan bagi mengimbangkan taburan dan hierarki pusat petempatan sehingga tahun 2045, hierarki petempatan Negeri Sembilan (**Jadual 4.1 dan Rajah 4.2**) dibahagikan kepada 4 iaitu:

- i. Pusat Wilayah Negeri
- ii. Pusat Separa Wilayah
- iii. Pusat Petempatan Utama
- iv. Pusat Petempatan Kecil

Pusat Pertumbuhan Desa tidak ditentukan di peringkat Rancangan Struktur kerana penentuan lokasi lebih sesuai diterjemah di peringkat daerah (Rancangan Tempatan). Bagi tujuan menentukan hala tuju pembangunan Negeri Sembilan sehingga tahun 2045, hierarki terkecil yang sesuai dengan visi memodenkan Negeri Sembilan menjelang tahun 2045 adalah Pusat Petempatan Kecil. Selain itu, faktor kedudukan hierarki, fungsi, perletakan aktiviti, kemudahan dan saiz penduduk tampungan diambil kira dalam menentukan tahap kesesuaian setiap hierarki petempatan.



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045

Rajah 4.1
GAMBARAJAH UTAMA NEGERI SEMBILAN 2045

Hierarki Petempatan



- Pusat Wilayah Negeri
- Pusat Separa Wilayah 1
- Pusat Separa Wilayah 2
- Pusat Petempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil

Kawasan Tindakan Pembangunan

- Kawasan Tepu Bina / Komited
- Kawasan Potensi Pembangunan 2045

Kawasan Pembangunan Terkawal


- Kawasan Keselamatan (Kem Tentera, Balai Polis, Balai Bomba dan Institusi DiRaja)
- Kawasan Pertanian Kelas 2
- Kawasan Pesisir Pantai / Laut
- Badan Air

Kawasan Pengekalan dan Pemeliharaan

- Hutan Simpanan Kekal
- Kawasan Tadahan Air
- Kawasan Tanaman Padi
- Central Forest Spine

Lain - Lain Petunjuk :


- Cadangan / Naik Taraf Jalan Raya
- Jalan Raya Utama Sedia Ada
- Cadangan Lebuhraya
- Lebuhraya Utama Sedia Ada
- Cadangan Laluan Keretapi
- Laluan Keretapi Sedia Ada



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045

Rajah 4.2
HIERARKI PETEMPATAN NEGERI SEMBILAN 2045

Hierarki Petempatan



- Pusat Wilayah Negeri
- Pusat Separa Wilayah 1
- Pusat Separa Wilayah 2
- Pusat Petempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil

Lain - Lain Petunjuk :

-  Cadangan / Naik Taraf Jalan Raya
-  Jalan Raya Utama Sedia Ada
-  Cadangan Lebuhraya
-  Lebuhraya Utama Sedia Ada
-  Cadangan Laluan Keretapi
-  Laluan Keretapi Sedia Ada